

02 FEB 2002

PBRs-Jeffrey/I

JEFFREY SEDIA BERTANDING DENGAN KURUP UNTUK SELESAIKAN PERTIKAIAN

KOTA KINABALU, 2 Feb (Bernama) -- Datuk Dr Jeffrey Kitingan sedia berhadapan dengan Tan Sri Joseph Kurup melalui pertandingan bagi menyelesaikan pertikaian berhubung jawatan presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) yang kini menjadi rebutan antara mereka berdua.

Dr Jeffrey berkata beliau sedia berbuat demikian bagi menyelesaikan isu berkenaan secara muktamad sekiranya Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengarahkan parti itu mengadakan semula mesyuarat agung tahunannya (AGM).

Katanya majoriti anggota perwakilann ke kongres PBRs baru-baru ini ingin melihat adanya pertandingan antara beliau dan Kurup bagi kerusi tertinggi parti.

"Saya sedia berbuat demikian jika ROS menasihati parti mengadakan semula AGM sebagai cara terakhir menyelesaikan masalah.

"Saya hanya menawarkan khidmat saya demi kebaikan parti selaras dengan prinsip demokrasi tapi malangnya dia (Kurup) cuba mengelak pertandingan dan sebaliknya menggantung keanggotaan saya dalam parti," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Khamis lalu, Pengarah ROS Sabah, Toisin Gantor berkata sekiranya kedua-dua pihak gagal menyelesaikan masalah berkenaan dalam tempoh yang telah ditetapkan dan tidak memohon untuk melanjutkannya, pendaftar boleh mengambil tindakan termasuk membatalkan pendaftaran parti itu.

Toisin berkata jika terdapat dua kem dan kedua-duanya mengemukakan laporan, ROS terpaksa menggunakan Seksyen 16 Akta Pertubuhan 1966 yang memberi kuasa kepada pendaftar mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada parti itu dan memintanya menyelesaikan pertikaian berkenaan dalam masa 30 hari.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ROS berhak mengambil tindakan terhadap PBRs sekiranya ia melanggar undang-undang.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata: "Ini adalah isu politik dan oleh itu kita kena berhati-hati kerana kadang-kadang orang cuba menggunakan undang-undang untuk melemahkan sesuatu tindakan politik."

Mengenai persidangan perwakilan tahunan parti itu pada 28 dan 29 Jan yang telah menimbulkan pertikaian, Dr Jeffrey berkata ia adalah sah dan keputusan mesyuarat berkenaan, termasuk pencalonan dan pemilihan bagi jawatan presiden, perlu diterima dan dihormati oleh semua pihak.

"Mesyuarat itu dijalankan mengikut perlembagaan parti dan sebarang mesyuarat yang diadakan selepas 29 Jan adalah di luar daripada persidangan," katanya.

Selepas berlaku kekecohan pada mesyuarat 29 Jan, kem Kurup menangguhkannya ke hari berikutnya yang menyaksikan Kurup dipilih semula sebagai presiden parti.

Dr Jeffrey mendakwa kuasa tertinggi parti terletak pada persidangan tahunan perwakilan seperti yang diperuntukkan dengan jelas di bawah Perkara 25 perlembagaan parti.

Katanya perwakilanlah yang telah menarik balik penggantungan beliau dan seterusnya mencalonkan beliau bagi jawatan presiden parti kerana mesyuarat berkenaan sebelum itu dihadiri oleh Kurup dan bukannya para pengikut beliau seperti yang dilaporkan oleh akhbar.

Pada 25 Jan, Kurup menggunakan kuasa beliau sebagai presiden mengikut Perkara 59 Perlembagaan PBRs, untuk menggantung keanggotaan Dr Jeffrey dengan serta-merta kerana melanggar kepentingan parti.

Ditanya sama ada beliau telah mengadakan pertemuan dengan Timbalan

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memaklumkan kepada beliau mengenai perkara itu, Dr Jeffrey mengesahkannya tetapi tidak mahu mengulas lanjut.

Katanya, beliau sedia berbincang dengan Kurup untuk mencari penyelesaian terbaik bagi masalah yang dihadapi.

-- BERNAMA

NT YBY SP RON